

## Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Allianz Travel Easy. Pastikan Anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Disediakan untuk \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")  
**Nama Produk** : Allianz Travel Easy

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan kepada orang yang diinsuranskan untuk perjalanan ke luar atau dalam negara untuk urusan perkerjaan atau percutian sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya, kematian atau perbelanjaan perubatan yang berlaku disebabkan oleh kemalangan atau penyakit dan perbelanjaan yang ditanggung disebabkan oleh insiden-insiden yang dilindungi di bawah manfaat kesulitan perjalanan dan juga rider pilihan di bawah Polisi ini.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Secara amnya, Polisi ini merangkumi manfaat berikut:

- (a) Kemalangan Diri
- (b) Manfaat Perubatan yang berkaitan – termasuk Bantuan Perubatan dan Pemindahan.
- (c) Kesulitan Perjalanan
- (d) Rider Pilihan – perlindungan tambahan sekiranya Anda menyertai aktiviti sukan yang berkaitan yang disenaraikan dalam Polisi.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Polisi untuk senarai penuh ciri dan manfaat di bawah Polisi ini. Anda juga boleh merujuk risalah Allianz Travel Easy untuk ringkasan manfaat-manfaat.*

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar adalah bergantung kepada pelan pilihan, destinasi perjalanan dan tempoh perjalanan.

#### (a) Premium untuk Perlindungan Perjalanan Luar Negara

Bilangan Hari	Asia				Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)							
1 – 5 hari	58	141	30	156	100	209	72	370
6 – 10 hari	72	174	44	206	135	262	112	471
11 – 15 hari	100	221	67	295	180	342	150	616
16 – 22 hari	138	281	96	413	250	441	190	772
Setiap minggu tambahan atau sebahagiannya	22	44	15	58	60	92	38	200
Pelan Tahunan	360	Tidak Berkenaan	250	Tidak Berkenaan	450	Tidak Berkenaan	330	Tidak Berkenaan

#### (b) Premium untuk Perlindungan Perjalanan Domestik

Bilangan Hari	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
		(RM)		
1 – 5 hari	19	29	10	57
6 – 10 hari	28	37	16	73
11 – 15 hari	36	49	20	96
16 – 22 hari	46	63	24	129
23 – 30 hari	55	72	29	157
Pelan Tahunan	187	Tidak Berkenaan	101	Tidak Berkenaan

(c) **Premium untuk Perlindungan Perjalanan Domestik dan Luar Negara**

Bilangan Hari	Domestik & Asia				Domestik & Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)							
1 – 5 hari	69	152	41	167	111	220	83	381
6 – 10 hari	83	185	55	217	146	273	123	482
11 – 15 hari	111	232	78	306	191	353	161	627
16 – 22 hari	149	292	107	424	261	452	201	783
Setiap minggu tambahan atau sebahagiannya	33	55	26	69	71	103	49	211
Pelan Tahunan	445	Tidak Berkenaan	300	Tidak Berkenaan	535	Tidak Berkenaan	380	Tidak Berkenaan

(d) **Premium untuk Rider Pilihan**

(i) **Sukan Tambahan – Rider Pilihan 1 untuk Perlindungan Perjalanan Luar Negara**

Bilangan Hari	Asia/Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)			
1 – 5 hari	18	Tidak Berkenaan	18	54
6 – 10 hari	22		22	72
11 – 15 hari	31		31	99
16 – 22 hari	45		45	130
Setiap minggu tambahan atau sebahagiannya	9		9	22
Pelan Tahunan	103		103	Tidak Berkenaan

(ii) **Sukan Tambahan - Rider Pilihan 1 untuk Perlindungan Perjalanan Domestik**

Bilangan Hari	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)			
	1 – 5 hari	8	Tidak Berkenaan	8
6 – 10 hari	13	13		33
11 – 15 hari	16	16		46
16 – 22 hari	21	21		59
23 – 30 hari	25	25		67
Pelan Tahunan	51		50	Tidak Berkenaan

(iii) **Sukan Tambahan - Rider Pilihan 2 untuk Perlindungan Perjalanan Luar Negara**

Umur	Asia/ Seluruh Dunia (setiap perjalanan)	
	Dewasa	
	(RM)	
18 tahun - 40 tahun	450	
41 tahun - 60 tahun	900	

**Nota:**

- (a) Perlindungan Luar Negara (Asia/Seluruh Dunia)
- Tempoh perlindungan maksimum bagi setiap perjalanan/lawatan adalah terhad kepada dua ratus (200) hari berturut-turut sahaja untuk perjalanan sehala atau dua hala (Polisi bukan tahunan).
  - Tempoh perlindungan maksimum bagi perjalanan/lawatan adalah terhad kepada sembilan puluh (90) hari berturut-turut sahaja untuk Polisi tahunan.
  - Tempoh perlindungan maksimum bagi perjalanan/lawatan untuk Pendakian Altitud Tinggi adalah tiga puluh (30) hari.
  - Setiap perjalanan/lawatan mesti bermula dan berakhir di Malaysia kecuali perjalanan/lawatan sehala.
- (b) Perlindungan Domestik
- Tempoh perlindungan maksimum bagi perjalanan/lawatan adalah terhad kepada tiga puluh (30) hari berturut-turut sahaja untuk perjalanan sehala/dua hala (Polisi bukan tahunan) atau Polisi tahunan.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan (untuk Luar Negara dengan Domestik & Domestik sahaja)	8% daripada premium
Duti Setem	RM10

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

**(a) Kepentingan Penzahiran**

- **Kontrak Insurans Pengguna**  
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan, jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**  
Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal tersebut itu boleh dijangka tahu adalah berkaitan, jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

**Kewajipan penzahiran ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.** Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans Anda telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

**(b) Kelayakan**

Polisi ini melindungi Anda sekiranya Anda:

- Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia;
  - Pemegang permit kerja yang sah atau pemegang pas pelajar yang sah;
  - Bekerja secara sah di Malaysia atau menetap secara sah di Malaysia,
- dan pasangan serta anak/anak-anak Anda yang menetap secara sah di Malaysia juga layak dilindungi di bawah Polisi ini, tertakluk kepada had umur untuk pelan yang berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:
- Pelan Dewasa/Pelan Dewasa Tahunan sekiranya Anda berumur lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun;
  - Pelan Kanak-kanak/Pelan Kanak-kanak Tahunan sekiranya anak Anda berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh belas (17) tahun;
  - Pelan Warga Emas sekiranya Anda berumur tujuh puluh satu (71) tahun hingga lapan puluh (80) tahun; dan
  - Pelan Keluarga sekiranya Anda berumur lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun, satu (1) pasangan sah Anda yang berumur lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun dan anak/anak-anak Anda yang berumur tiga puluh (30) hari hingga dua puluh empat (24) tahun.

**(c) Tunai Sebelum Perlindungan** - Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.

**(d) Tuntutan** – Kesemua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Anda tiba di rumah Anda. Anda perlu memberikan Allianz bukti bertulis kerugian, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis, dan sebarang bukti lain yang diperlukan untuk menyokong tuntutan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh kerugian/kemalangan.

Tuntutan berkaitan Covid-19 –Diagnosis Covid-19 mestilah diperakui oleh Pengamal Perubatan dan disokong dengan salinan laporan perubatan atau laporan makmal yang menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19.

**(e) Anda boleh membuat pilihan untuk Pembaharuan Automatik (untuk Polisi tahunan sahaja)** - Sekiranya Anda membuat pilihan untuk pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini dan bayaran premium yang perlu dibayar, Polisi ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun Polisi apabila tamat tempohnya melainkan Polisi ini ditamatkan menurut Syarat 10 (Penamatan) di bawah Bahagian 2 Syarat Am dalam Polisi.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

**(a)** Kami tidak akan membayar tuntutan yang disebabkan oleh atau akibat daripada:-

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi atau kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera, keadaan pengepungan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, mogok, rusuhan atau kekacauan awam, sekatan atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;
- Penutupan, kuarantin, pengasingan mandatori, perintah tinggal di rumah, perubahan dalam tahap amaran kerajaan atau sekatan seumpamanya yang dikenakan secara am atau umum (a) kepada sesetengah segmen atau semua populasi, kawasan geografi, bangunan atau kapal atau (b) berdasarkan, ke, dari, atau melalui tempat orang itu melakukan perjalanan. Pengecualian ini terpakai walaupun perintah atau arahan secara khusus menetapkan Anda atau teman perjalanan Anda untuk dikuarantin atau diasingkan, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Polisi;
- Kelewatan, penyitaan, penahanan, pemerolehan, kerosakan, pemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai kerajaan atau pihak berkuasa lain di mana-mana negara, termasuk apa-apa perintah am, arahan atau nasihat untuk tidak melakukan perjalanan yang dikeluarkan berkaitan atau berpunca daripada Covid-19;
- Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, senjata atau bahan nuklear, bahan letupan, toksik, radioaktif atau bahan berbahaya yang lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
- Kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
- Aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombongan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan;
- Anda melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang-undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi, pemindahan di luar negara sebagai sebahagian pekerjaan Anda dan Anda melakukan perjalanan ke luar negara semata-mata untuk bekerja tertakluk kepada Syarat 8 (Tujuan Perjalanan) di bawah Bahagian 2 Polisi (terpakai untuk perlindungan ATE Luar Negara), kerja manual berkaitan dengan apa-apa perdagangan, pekerjaan, atau profesion semasa perjalanan/lawatan;
- Anda melibatkan diri dalam aktiviti penerbangan, selain selaku penumpang yang membayar tambang;
- Anda melibatkan diri secara langsung dalam mana-mana Keganasan/Akta Keganasan;
- Apa-apa kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
- Perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan Kami;
- HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau apa-apa penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walau apapun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasinya atau rawatannya walau apapun puncanya;
- Rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
- Anda mendapat diagnosis terminal;
- Anda membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat perubatan, atau dengan nasihat perubatan di mana lawatan tersebut dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
- Anda gagal untuk mendapatkan vaksinasi yang diperlukan sebelum berlepas;
- Apa-apa Penyakit Wajib Laporan yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang, kecuali Covid-19 yang dirujuk dan dilindungi di bawah manfaat yang berikut:
  - (i) untuk Perlindungan Domestik: Pembatalan Deposit atau Perjalanan, Pemendekan Perjalanan, Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa/Campervan dan Hotel Haiwan Peliharaan;
  - (ii) untuk Perlindungan Luar Negara: Perbelanjaan Perubatan; Pemindahan Perubatan Kecemasan; Repatriasi Rawatan Kecemasan; Repatriasi Jenazah; Rawatan Susulan; Pendapatan Hospital; Lawatan Ihsan; Penjagaan Kanak-kanak; Penghantaran Ubat-ubatan; Pembatalan Deposit atau Perjalanan; Pemendekkan Perjalanan; Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa/Campervan; dan Hotel Haiwan Peliharaan;
- Anda membunuh diri atau cubaan membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia) atau melakukan apa-apa tindakan jenayah;
- Anda berada di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan dadah kecuali dadah tersebut diambil mengikut kebenaran preskripsi perubatan;
- Kandungan alkohol dalam sampel darah dan/atau air kencing melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang;
- Apa-apa kos rawatan berkaitan dengan melahirkan anak, keguguran, atau sebarang komplikasi terhadap kehamilan, melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung akibat Kemalangan;
- Penyakit Sedia Ada, tetapi hanya terpakai untuk manfaat di bawah Seksyen 1, 2, dan 3 dalam Polisi;
- Penyakit atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan;
- Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: Ini tidak akan terpakai di mana lesen Anda telah luput tetapi Anda tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan); dan
- Anda melakukan perjalanan bertentangan dengan arahan atau nasihat mana-mana pihak kerajaan atau pihak berkuasa awam yang lain.

**(b)** Kami tidak akan membayar tuntutan sekiranya Anda telah membeli Polisi ini dan membuat bayaran premium selepas Anda mengalami/menyedari kerugian yang dilindungi di bawah Polisi ini.

- (c) Kami tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada Anda dijangkiti Covid-19 sekiranya status vaksinasi Anda di bawah aplikasi MySejahtera adalah selain daripada "Vaksinasi Lengkap" sebelum perjalanan/lawatan Anda.
- (d) **Kami tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada:-**
- Anda menyertai Aktiviti Berbahaya kecuali jika sukan tersebut dilindungi di bawah Sukan Tambahan (Rider Pilihan) yang telah dibeli oleh Anda;
  - Anda terlibat dalam latihan, mengambil bahagian atau berlatih dalam mana-mana pertandingan kelajuan atau perlumbaan, atau mana-mana pertandingan atau sukan profesional yang mana Anda boleh mendapat atau memperolehi atau menerima bayaran, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan;
  - Anda menyertai atau berlatih untuk sebarang aktiviti sukan amatir atau pertandingan semasa Perjalanan/Lawatan Anda. Ini tidak termasuk penyertaan dalam pertandingan sukan rekreasi tidak formal dan perlawanan yang dianjurkan oleh penginapan, resort, atau kapal pesiar untuk menghiburkan tetamu mereka.

## 7. Bolehkah saya membatalkan Polisi ini?

### (a) Polisi Tahunan

Sekiranya Polisi ini Polisi tahunan, Polisi boleh dibatalkan seperti berikut:

#### (i) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Anda boleh menamatkan Polisi ini dengan memberikan notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini dan penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh Allianz daripada Anda atau pada tarikh yang dinyatakan pada notis tersebut, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang sah pada ketika itu.

Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans (Tidak Melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan Yang Dikenakan
Dua (2) bulan atau kurang	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Lebih daripada enam (6) bulan	100%

#### (ii) Penamatan oleh Allianz

Sekiranya Kami menamatkan Polisi ini berdasarkan Syarat 3 (Kenyataan Palsu atau Pengabaian Fakta Penting) atau dengan perintah pihak berkuasa atau pihak kerajaan, Kami akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada alamat terakhir Anda. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada Anda dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang sah pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

### (b) Polisi Bukan Tahunan (Lawatan Tunggal)

Sekiranya Polisi ini bukan Polisi tahunan, Anda boleh menamatkan Polisi ini dengan memberikan notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini dengan syarat bahawa tempoh insurans belum bermula semasa tarikh penamatan Polisi berkuatkuasa. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut mana-mana yang kemudian. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan, Anda berhak mendapat bayaran balik premium yang dibayar untuk Polisi ini.

- (c) Peruntukan yang berikutnya mengenai penamatan automatik Polisi terpakai bagi Polisi tahunan dan Polisi bukan tahunan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

#### Penamatan Secara Automatik

Perlindungan Anda akan luput/tamat secara automatik apabila berlakunya mana-mana yang berikut:

- Apabila Anda di bawah Pelan Kanak-kanak, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir tempoh insurans walaupun Anda telah mencapai umur lapan belas (18) tahun pada bila-bila masa sepanjang tempoh insurans, atau apabila tamatnya Polisi Tahunan Kanak-kanak; atau
- Apabila Anda di bawah Pelan Dewasa, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir tempoh insurans walaupun Anda telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun pada bila-bila masa sepanjang tempoh insurans atau apabila tamatnya Polisi Tahunan Dewasa; atau

- Apabila Anda di bawah Pelan Warga Emas, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir tempoh insurans walaupun Anda telah mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun pada bila-bila masa sepanjang tempoh insurans; atau
- Apabila Anda di bawah Pelan Keluarga, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir tempoh insurans walaupun Anda telah mencapai umur dua puluh lima (25) tahun pada bila-bila masa sepanjang tempoh insurans; atau
- Kematian Anda.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Ini adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada ejen berdaftar, pejabat cawangan atau pegawai khidmat pelanggan Kami.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk laman web Kami di [allianz.com.my](http://allianz.com.my).

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:**

- (a) Allianz Shield Plus
- (b) Allianz Lifestyle Protect

**Nota Penting:**

**Anda dinasihati untuk memberi perhatian kepada skala pampasan untuk kematian dan hilang upaya dalam Polisi insurans Anda. Anda perlu membaca dan memahami Polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 14/03/2024.